

**Tubuh NKRA Agenda Bumiputera  
Utusan Online  
14 Mei, 2012  
Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

TAWAU 13 Mei - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mendesak kerajaan melakukan tindakan afirmatif bagi mengangkat kedudukan ekonomi kaum bumiputera yang dilihat masih lagi ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, sebuah unit khas di bawah Majlis Tindakan Ekonomi perlu ditubuhkan bagi membuat laporan dan pemantauan berterusan terhadap pencapaian agenda bumiputera.

"Unit baru yang dinamakan Unit Pemantau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Agenda Bumiputera ini akan melapor dari semasa ke semasa secara berkala paling kurang dua bulan sekali mengenai pencapaian agenda kaum itu dalam semua bidang.

"Ini sangat kritikal dan kalau kerajaan mewujudkan unit ini dan menambah agenda afirmatif barulah kaum bumiputera berasa lebih terbela," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Pelancaran dan Perhimpunan Perkasa Sabah di Dewan Masyarakat Tawau, di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Presiden Perkasa, Datuk Abdul Rahman Bakar; Setiausaha Agung Perkasa, Syed Hassan Syed Ali dan Ahli Majlis Tertinggi Perkasa, Leftenan Jeneral (B) Datuk Mohd. Salleh Ismail dan Yang Dipertua Perkasa Sabah, Datuk Seri Jefry Osman.

Kira-kira 3,000 orang menghadiri perhimpunan yang turut mengemukakan resolusi menentang keras penganjuran Bersih 3.0 itu.

Pada majlis itu ahli Perkasa Sabah yang diketuai Jefry turut berarak ke Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau bagi menyerahkan bunga tanda penghargaan kepada polis dan menyerahkan resolusi membantah Bersih 3.0.

Menurut Ibrahim, tindakan jelas perlu dilakukan bagi memastikan semua golongan bumiputera termasuk akar umbi mendapat pembelaan sewajarnya.

Katanya, meskipun pelbagai usaha dilakukan kerajaan termasuk penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) tetapi ia belum mencukupi kerana masih ramai golongan akar umbi berada di takuk lama.

"Mesej saya ialah kerajaan mempunyai tanggungjawab moral untuk mengubati luka yang dirasai kaum bumiputera," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_14.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm)